

10 NOV 2000

OIC-Palestin

ISU PALESTIN AKAN JADI TUMPUAN PADA SIDANG KEMUNCAK OIC

Oleh: Muin Abdul Majid

DOHA, Qatar, 10 Nov (Bernama) -- Konflik Palestin-Israel yang berlarutan sekarang dijangka akan menjadi tumpuan utama pada sesi kesembilan sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini dengan pelbagai pihak mengutuk kekejaman yang dilakukan rejim Tel Aviv terhadap penduduk Palestin.

Kepentingan untuk membincangkan perkara itu boleh dirasakan, kerana hampir dua ratus orang, kebanyakan Arab Palestin, kehilangan nyawa sejak apa yang dikenali sebagai Intifada Al-Aqsa bermula akhir September.

Begitulah perasaan yang dicetuskan daripada isu ini sehinggakan Arab Saudi dan beberapa negara utama OIC dilaporkan merancang memulaukan sidang kemuncak tiga hari ini yang bermula Ahad sebagai membantah hubungan antara negara tuan rumah Qatar dan Israel.

Dan menurut satu laporan Agensi Berita Qatar, kerajaan telah membuat keputusan menutup pejabat wakil perdagangan Israel di Doha "untuk menggalakkan perpaduan dan mencetuskan suasana yang sesuai bagi mengadakan sidang emuncak ini."

Tema persidangan para pemimpin OIC di sini - "Sidang Kemuncak Keamanan dan Pembangunan" - begitu sesuai memandangkan dunia Islam ketinggalan dari segi pembangunan berbanding dengan masyarakat lain di dunia kerana ummah seolah terkunci dalam pencarian yang tiada kesudahannya dalam mencapai keamanan bagi pelbagai konflik yang melibatkan mereka

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu mesyuarat peringkat menteri pada Selasa bahawa Malaysia menyokong pandangan itu dan isyarat baru patut dihantar daripada sidang kemuncak itu kepada Israel berkaitan isu Palestin.

"Adalah jelas bawa rakyat Palestin sudah cukup dianiaya. Mereka telah menderita untuk sekian lama...Israel patut dipaksa menamatkan dasarnya yang suka mengugut dan menakutkan.

"Penderitaan rakyat Palestin dan pencabulan hak asasi manusia yang dilakukan tentera Isreal yang menduduki perlu ditamatkan jika keamanan mahu diteruskan di wilayah itu," katanya.

Syed Hamid berkata dunia sedang memerhatikan bagaimana masyarakat Islam menangani isu Palestin dan menekankan bahawa hanya dengan perpaduan dan maruah, mereka boleh mencari penyelesaian kepada masalah itu.

Beliau juga berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyentuh perkara itu apabila beliau berucap bagi pihak kumpulan Asia pada majlis perasmian Ahad ini. Ini merupakan kehadiran keempat Dr Mahathir pada sidang kemuncak OIC.

Pertembungan terbaru Israel dan Palestin tercetus ekoran lawatan kontroversi pemimpin sayap kanan Israel Ariel Sharon ke tempat suci yang dikenali umat Islam sebagai Al-Haram Al Sharif pada 28 Sept, bahagian masjid Al-Aqsa yang indah.

Selain konflik Palestin, kemunculan globalisasi dan revolusi dalam teknologi maklumat serta kerjasama ekonomi juga dijangka akan disentuh oleh para pemimpin OIC.

Menurut Menteri Luar Iran Dr Kamal Kharrazi yang juga pengerusi sidang kemuncak ke-lapan OIC, pertubuhan itu masih belum mengadakan satu struktur rangka tugas kerjasama ekonomi di kalangan negara Islam.

"Idea seperti penubuhan pasaran bersama Islam telah lama terdapat dalam agenda OIC dan dalam hal ini kita masih perlu mengambil langkah selanjutnya," katanya.

Pada sidang kemuncak di Teheran tiga tahun lepas, Dr Mahathir berkata kebanyakan negara Islam diganggu dengan masalah pembunuhan saudara dan ketidakstabilan menjadikan kerajaan mereka tidak berdaya untuk membangun dan bersaing dengan pengkritik mereka malah untuk memerintah dengan berkesan.

Beliau juga ketika itu menyatakan rasa kesal kerana negara-negara Islam tidak mampu untuk memanfaatkan sumber mereka yang banyak bagi tujuan memberi sumbangan dan mempertahankan agama.

OIC merupakan forum utama bagi perjuangan dan perpaduan Islam. Malaysia merupakan sebuah daripada 25 negara anggota pengasasnya pada 1969.

Keanggotaannya sejak itu telah membesar menjadi 56 negara dan fokusnya sebelum ini terhadap isu-isu politik kini diperluaskan meliputi kerjasama ekonomi.

Sementara itu menurut para pegawai Malaysia, Dr Mahathir akan tiba di Lapangan terbang Antarabangsa Doha pada Sabtu.

Selain menyertai perbincangan pada sidang kemuncak itu, Dr Mahathir dijadual mengadakan perjumpaan dengan para intelektual dan ahli perniagaan Islam terkemuka.

Beliau juga dijangka mengadakan perbincangan dengan beberapa pemimpin termasuk Presiden Palestin Yasser Arafat.

-- BERNAMA

MAM MAM RON